

UNTUK SIARAN SEGERA

28 OGOS 2020

UEM Edgenta Kekal Fokus Untuk Menyampaikan Perkhidmatan Cemerlang dalam Menyokong Usaha Pemulihan Pasca-COVID-19 Negara

- Syarikat mencatatkan pendapatan separuh pertama sebanyak RM950.3 juta dan keuntungan bersih yang dinormalisasi sebanyak RM34.8 juta untuk tempoh yang berakhir pada 30 Jun 2020 (“1H TK2020”);
- Penurunan nilai “one-off” sebanyak RM50 juta untuk inventori harta tanah yang tidak terjual yang diumumkan dalam keputusan kewangan Q2 TK2020 menandakan fokus terhadap perniagaan teras dan inisiatif pertumbuhan strategik;
- Bahagian *Healthcare Support* dan *Infrastructure Services* kekal sebagai penyumbang keuntungan utama dalam era pasca-COVID-19 melalui platform dan penyelesaian berteraskan teknologi untuk memacu kecekapan operasi.

KUALA LUMPUR, 28 Ogos - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini telah menutup 1H TK2020 dengan keuntungan bersih yang dinormalisasi sebanyak RM34.8 juta, tidak termasuk penurunan nilai “one-off” sebanyak RM50 juta untuk inventori harta tanah yang tidak terjual, dengan mencatatkan pendapatan sebanyak RM950.3 juta.

Keputusan tersebut dibincangkan dalam sesi taklimat di ibu pejabat Syarikat di Bangsar South awal hari ini, yang diketuai oleh Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat, Syahrudin Samsudin, yang turut berkongsi tinjauan pertumbuhan UEM Edgenta untuk separuh kedua tahun ini.

“Pengurusan kos yang cermat adalah keutamaan yang telah kami tetapkan untuk separuh kedua tahun ini, dan kekal komited memainkan peranan kami untuk menyampaikan hasil yang berkualiti merentasi seluruh perkhidmatan penting barisan hadapan dalam menyokong usaha pemulihan negara. Platform dan penyelesaian berasaskan teknologi akan menjadi tulang belakang penawaran perkhidmatan Syarikat kepada pasaran untuk masa hadapan. Ini akan mengekalkan daya tahan Syarikat dalam era pasca-COVID-19, serta memastikan asas perniagaan kami kekal kukuh dalam menerapkan norma baharu. Berdasarkan keputusan separuh pertama, Syarikat memutuskan untuk tidak memberikan dividen interim, tetapi akan kekal berwaspada dalam pengurusan aliran tunai,” komen Syahrudin.

Prestasi Perniagaan 1H TK2020

Bahagian **Healthcare Support** UEM Edgenta mencatatkan pendapatan sebanyak RM565.4 juta dan keuntungan bersih sebanyak RM20.5 juta untuk 1H TK2020, menerusi permulaan kontrak baharu di Singapura dan Taiwan serta projek “*ad-hoc*” termasuklah perkhidmatan pembasmian kuman di Malaysia dan Singapura. Bahagian ini memberikan tumpuan untuk mengukuhkan pegangan pasarannya, menguruskan kos serta memanfaatkan teknologi untuk mencapai kecekapan dalam inisiatif kecemerlangan operasinya. Bahagian ini secara proaktif terus meneroka peluang-peluang baharu di Singapura dan Taiwan dengan kejayaan baru-baru ini dalam menyediakan perkhidmatan sokongan hospital di hospital-hospital di Taiwan, termasuklah Cheng Hsin General Hospital dan National Yang Ming University Hospital yang bernilai sehingga RM200.7 juta. Tambahan juga, bahagian **Healthcare Support** Syarikat akan terus mengukuhkan kontrak yang sedia ada dan menerokai kontrak baharu di rantau ini.

Bahagian **Property and Facility Solutions** (“PFS”) mencatatkan pendapatan sebanyak RM68.9 juta dengan pertumbuhan keuntungan bersih sebanyak 22.6% tahun-ke-tahun (“T-k-T”) kepada RM11.3 juta, hasil daripada margin yang lebih tinggi dari projek semasa PFS. Dalam memastikan pertumbuhan operasi yang mampan, PFS akan meneroka peluang baharu untuk menambahbaik aset pelanggannya dengan menawarkan perkhidmatan yang pelbagai melalui aplikasi dan platform berasaskan teknologi. Bahagian ini juga bergiat aktif mencari peluang dalam pasaran baharu terutamanya di bangunan industri dan komersial yang bernilai tinggi berikutan peningkatan permintaan untuk perkhidmatan pembersihan dan pembasmian kuman.

Bahagian **Infrastructure Services** mencatatkan pendapatan dan keuntungan bersih sebanyak RM268.2 juta dan RM23.7 juta masing-masing dalam tempoh tersebut. Meskipun menghadapi cabaran dalam persekitaran operasi yang menyebabkan penundaan projek infrastruktur utama, bahagian ini komited untuk terus menjalankan projek semasa, dan juga melaksanakan inisiatif kecemerlangan operasi untuk mengukuhkan margin keuntungannya. Sementara itu, prestasi bahagian **Asset Consultancy** untuk 1H TK2020 menunjukkan peningkatan keuntungan bersih sebanyak 31.3% T-k-T kepada RM7.3 juta daripada RM5.6 juta dengan pendapatan yang dicatatkan sebanyak RM47.0 juta. Bahagian ini akan terus memberi tumpuan dalam menyempurnakan projek-projek utama yang sedia ada dan semasa, termasuklah projek pengurusan kerja-kerja perundingan untuk Rangkaian Jalan Pesisir Pantai dan Jalan Utama Kedua Sarawak Fasa 2 di Malaysia Timur.

-Siaran Media Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh seperti yang disenaraikan di atas. Sila hubungi Juliana Jamaluddin (juliana_jamaluddin@edgenta.com / 012 340 9438) jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan.